

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 APRIL 2024

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

Kerajaan akan umum butiran mekanisme rasionalisasi subsidi

Kerajaan akan umum butiran mekanisme rasionalisasi subsidi

KUALA LUMPUR

- Kerajaan akan memaklumkan butiran mengenai pelan rasionalisasi subsidi termasuk kriteria dan implikasinya tidak lama lagi, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau menegaskan jika dasar rasionalisasi subsidi kerajaan berjaya, penjimatan itu boleh dialihkan kepada bantuan sosial yang berpotensi meningkatkan pengurangan kemiskinan di samping menjana penjimatan fiskal.

"Saya tahu ramai yang bertanyakan mengenai masa untuk kita memperkenalkan mekanisme itu, bagaimanapun, mengutamakan penyelaras dan persediaan untuk langkah itu adalah perlu bagi sesuatu yang sebesar ini," katanya ketika berucap semasa pelancaran Malaysia Economic Monitor ke-29 oleh Bank Dunia bertajuk *Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills* di sini, pada Khamis.

Beliau berkata, 11.6 juta individu atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas telah mendaftar dengan hab Pangkalan Data Utama (PADU).

"Ini memberikan kapasiti yang mencukupi untuk akhirnya melaksanakan rasionalisasi subsidi dan peralihan daripada model regresif sub-



RAFIZI

sidi menyeluruh.

"Pada tahap yang diperlukan ini, data berbutir, kita boleh meminimumkan kesilapan penerimaan dan rangkuman, dan memastikan pengagihan subsidi yang saksama kepada mereka yang memerlukannya," katanya.

Sementara itu, laporan Malaysia Economic Monitor oleh Bank Dunia menekankan prospek pertumbuhan jangka panjang Malaysia, yang sangat bergantung pada pengukuhan modal insan dengan meningkatkan hasil pembelajaran untuk kanak-kanak.

Laporan itu membuat empat syor untuk meningkatkan hasil pembelajaran termasuk memastikan semua kanak-kanak mendapat manfaat daripada pendidikan prasekolah yang berkualiti tinggi dan berada di sekolah rendah dalam keadaan bersedia untuk belajar, selain meningkatkan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak dan kualitinya untuk isi rumah berpendapatan rendah.

"Malaysia juga mestи mengukur dengan teliti hasil pembelajaran pelajar dan mendanda aras kepada piawaian antarabangsa selain perlu mengukur prestasi guru secara menyeluruh," menurut laporan itu. - Bernama